



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**


Bil. 98 / 2019

### **BAKAL CALON PRK PARLIMEN P.176 KIMANIS DIGESA ISI DAN SEMAK BORANG PENCALONAN SEBELUM HARI PENAMAAN CALON**

1. Semua bakal calon yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.176 Kimanis, Sabah adalah digesa supaya membuat semakan awal pengisian borang pencalonan mereka di Pejabat Pegawai Pengurus iaitu di Pejabat Daerah Beaufort, Sabah atau di Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah sebelum Hari Penamaan Calon.
2. Tujuan semakan awal ini adalah untuk memastikan semua bakal calon mengisi borang tersebut dengan betul dan menepati syarat serta kelayakan yang ditetapkan bagi mengelak berlakunya kesilapan pengisian borang semasa Hari Penamaan Calon. Langkah ini bagi menjamin proses penamaan calon dapat berjalan lancar dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Malah ia juga dapat memberi peluang kepada parti-parti yang calonnya didapati tidak layak semasa semakan awal untuk membuat persiapan sewajarnya sebelum Hari Penamaan Calon.
3. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak hendaklah dikemukakan oleh bakal calon atau penyokong atau pencadangnya kepada Pegawai Pengurus semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon pada Sabtu, 4 Januari 2020.

4. Selain daripada itu, bakal-bakal calon juga turut digesa untuk membuat pembayaran deposit (deposit pilihan raya dan deposit bahan kempen) lebih awal. Bakal-bakal calon juga adalah diminta untuk mengambil pas-pas calon, pencadang dan penyokong selepas bayaran deposit dibuat bagi tujuan kebenaran memasuki Pusat Penamaan Calon. Ini adalah untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan berjalan lancar pada Hari Penamaan Calon kelak.

Sekian, terima kasih.



**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 30 Disember 2019 / 3 Jamadilawal 1441H